

# MENCAPAI KETINGGIAN DUNIA AKHIRAT

Di bawah ini disiarkan suatu rencana yang ditulis oleh pendeta bahasa Melayu yang terkenal Za'ba yang telah menulis beberapa rencana di bawah tajuk "Meluaskan Bahasa Melayu" yang telah mendapat sambutan daripada pembaca-pembaca. Makalahnya yang dahulu itu, bagi sementara diberhentikan itu sahaja dan insya-Allah akan disambung pada suatu masa di belakang nanti. Sekarang ini pendeta bahasa Melayu yang dikasihi itu telah menulis berkenaan dengan perkara yang mengenai hal ehwal asuhan perangai dalam agama Islam yang sangat-sangat mustahak diperhati dan dibaca terutamanya oleh belia-belia kita supaya mendapat petunjuk dengan galakan yang baik bagi mencapai suatu cita-cita yang mulia dan tetap pendirian dengan pendirian-pendirian yang tertentu, yakin kepada tenaga dan usaha sendiri yang sangat-sangat dihajat adanya di dalam lingkungan masyarakat kita yang telah kucar kacir. Kita yakin dengan sifat pendeta bahasa Melayu yang telah cukup berpengalaman dengan cara mendidik itu tak dapat tiada makalah-makalahnya ini akan memberi kesan dan memberi faedah kepada belia-belia kita yang bakal menjayakan kedudukan kita pada masa yang akan datang – P.

## ASUHAN PERANGAI DALAM AGAMA ISLAM (I)

oleh Za'ba

Tiap-tiap seorang wajiblah memajukan dirinya baik ke atas mencapai tingkat ketinggian dengan usaha dan kebolehnya sendiri, tidak dengan berharap kepada pertolongan orang atau kepada sokongan orang lain walau orang yang di atas daripadanya sekalipun. Bagi berbuat demikian hendaklah seseorang itu tinggi hemahnya dan mulia cita-citanya; kerana jika seseorang kecil hemahnya dan rendah kemahuan cita-citanya, nescaya ia hanya akan berpuas hati dengan mendapat perkara-perkara yang sesuai dengan kedudukan dirinya yang rendah itu sahaja, tiada lebih lagi. Oleh itu maka kita lihat orang yang demikian kecil pada ilmunya, kecil pada adabnya, kecil pada maruahnyanya, kecil pada kecenderungannya dan semangat kemahuannya, kecil pada tenaganya dan tujuannya, bahkan kecil pada segala-gala jalan dan pekerjaannya. Adapun jika besar perasaan dirinya dan tinggi semangat cita-citanya, nescaya besarlah pula padanya segala apa jua perkara yang didapati kecil dan patut pada orang yang berhati kecil,

bersemangat kecil, dan bercita-cita kecil ini.

Pada suatu hari seorang imam yang terbesar darjatnya dalam medan ahli ilmu dan masyhur dalam tawarikh (jika tak khilaf ialah Imam Jaafar as-Siddiq 80-148 H, piut Saidina Ali) telah menanya anaknya iaitu seorang budak yang cerdik dan mulia asuhan; katanya : "Hai anakku! Apakah tujuan yang sehabis-habis tinggi engkau harapkan hendak dapat kepada diri engkau apabila engkau telah besar kelak? Dan siapakah seorang ternama yang engkau suka hendak jadi seperti dia? "Maka jawab budak itu: "Saya suka hendak jadi macam bapa." Maka kata Imam itu: Kecewalah engkau kelak, hai anakku! Sesungguhnya kecil sangat perasaan dan cita-cita engkau itu, dan terlampau rendah hemah engkau! Akal engkau yang pecek ini patutlah ditangisi oleh segala perempuan-perempuan tukang ratap. Dengarlah ! Aku masa kecil-kecilku dahulu telah kuanggarkan diriku hendak dapat jadi seperti Ali bin Abi Talib. Kemudian sentiasalah aku berusaha bersungguh-sungguh dan bekerja keras tidak berhenti-henti, hendak melayakkan diriku supaya berhasil seperti cita-cita ku itu. Akhirnya sampailah aku kepada tingkat darjat yang engkau lihat aku padanya sekarang

iaitu engkau sendiri pun tau selisih beberapa jauh lagi jaraknya antara aku dengan Ali itu, bahkan jauh benar lagi tercerainya antara aku dengan dia. Sekarang engkau bercita-cita yang sehabis tingginya hanya hendak dapat jadi seperti aku! Adakah engkau suka jarak yang akan menceraikan antara engkau dengan aku kelak sebagaimana jauh yang menceraikan antara aku dengan Ali sekarang?"

Maksudnya cerita ini, jikalau kita hendak menembak pucuk kayu umpamanya, maka hendaklah ditunjukkan tembak kita itu terlebih tinggi atau terkeatas daripada pucuk kayu itu; jika ditunjukkan betul-betul sekadar aras pokok kayu itu sahaja nescaya tembakan itu akan kena ke bawah daripadanya. Dengan perkataan yang lain, hendaklah hemah dan tujuan cita-cita kita sentiasa tinggi dan mulia dengan sehabis-habis tingginya yang boleh terupa pada akal akan hasilnya.

Tersebut dalam riwayat-riwayat yang diceritakan orang dari hal Saidina Muawiyah, r.a (iaitu Khalifah yang pertama Bani Ummayah, matinya tahun 600 Hijrah) bahawa Muawiyah berkata : "Tumpukan hatimu kepada darjat-darjat ketinggian dalam segala pekerjaan yang mulia, supaya dapat kamu capai akan darjat itu. Lihatlah aku! Yang sebenarnya aku ini bukan seorang yang ahli patut menyandang pangkat khalifah ini; tetapi oleh sebab telah kuharapkan segala tenaga kemahuan dan hemahku kepada jawatan khalifah itu, maka dapatku peroleh akan dia."

Cerita orang-orang yang dapat meningkat baik kepada martabat yang tinggi dan mulia dengan sebab bersungguh-sungguhnya, iaitu dari asal yang rendah dan miskin dan tak cukup pelajaran, adalah banyak didapati di dalam tawarih segala bangsa – bukannya sahaja dalam tawarih orang Eropah dan Amerika atau orang-orang yang bukan Islam tetapi juga di dalam tawarikh orang-orang Islam dahulu kala. Boleh dikata hampir-hampir semua nama yang besar-besar dalam sejarah kemajuan. Islam yang telah lalu seperti Imam Syafie, Imam Ghazali, Ibnu Sina, Ibnu Rushd, Al-Biruni, Ibnu Jarir at-Tabari, Ibnu Khaldun,

Ibnu Hajar, az-Zamaksyari, Salahuddin al-Ayyubi dan beratus-ratus yang lain-lain lagi, ialah mereka telah naik meningkat ke atas dari tingkat yang di bawah dan rendah, dengan sebab usahanya dan bersungguh-sungguhnya. Maka begitu pula boleh didapati dalam tawarih orang-orang Eropah dan Amerika kemudian daripada kejatuhan umat Islam. Nama-nama seperti Napoleon Bonaparte, Abraham Lincoln, Ramsay McDonald, dan lain-lainnya ialah nama yang masyhur diketahui oleh tiap-tiap budak sekolah sekarang. Maka semuanya orang-orang itu bukannya orang yang berasal tinggi, kaya atau cukup pelajaran dari mula-mulanya ; malahan setengah mereka telah naik tinggi jadi besar dan masyhur daripada tingkat peon, penjaga surat khabar, dan gembala kambing. Maka pada zaman kita sekarang ini pun banyak didapati orang yang demikian, dan mereka masih hidup lagi. Benarlah kata seorang ahli syair American :

*"The height which great man reached and kept  
Was not attained by sudden flight,  
But they, while their companions slept,  
Was toiling upwards in the night."*

Ertinya : "Ketinggian yang telah dapat dicapai oleh orang masyhur-masyhur dan dipegangnya jadi miliknya itu, bukanlah telah diperolehinya dengan jalan terbang naik serta-merta ; tetapi adalah mereka, sementara taulan-taulan mereka tidur nyenyak pada malam-malam hari, maka mereka telah bekerja keras meningkat naik dengan beberapa susah payah dan penat lelahnya. "

Dan kata ahli syair Arab pula (dengan Bahrul wafar):

*Biqadrin alkad taktasib  
wa man tallab al-'ala mahar al-layali*

Ertinya : Segala jenis ketinggian itu diperoleh ialah mengikut kadar sebanyak mana susah payah yang ditanggung dan dikerjakan bagi mencapainya. Maka barangsiapa suka hendak mendapat ketinggian, kenalah ia berjaga pada malam-malam hari meneruskan kerjanya. "

Adapun dimaksudkan dengan "ketinggian" di sini bukanlah ketinggian atau kebesaran dunia sahaja seperti jadi orang besar, dapat bintang berderet-deret di dada,

cepat gelaran yang hebat-hebat dikurnia oleh raja atau oleh King ; atau jadi orang masyhur, dikenal, disebut dan dipuji orang seluruh dunia; atau pun selalu sahaja keluar gambar atau namanya dalam surat khabar! Dan lain-lain seumpama itu iaitu semuanya jenis kebesaran dunia sahaja. Bukan! Bukanlah itu yang dimaksudkan di sini ialah ketinggian dan kebesaran yang kekal sampai ke akhirat dan ditujukan untuk akhirat.

Bahkan jika ketinggian di akhirat semata-mata sahaja pun yakni tidak campur dunia, terpaksa sahaja mesti diusahakan dengan beramal bersungguh-sungguh berbuat seberapa banyaknya perkara yang kebajikan (itulah amal yang soleh) dan berusaha bersungguh-sungguh menjauhi perkara-perkara kejahatan jika tidak bekerja kuat kerananya – sama ada pada membanyakkan amal kebajikan atau pada melawan hawa nafsu dan menahannya. Daripada amal kejahatan – nescaya tidaklah juga akan diperoleh ketinggian di akhirat itu.

Cerdiknya manusia akan mendapat apa-apa hanya mengikut kadar sebanyak mana usahanya, baik pada perkara dunia atau perkara akhirat. Aturan demikian ini telah ditetapkan undang-undang-Nya oleh Tuhan dalam Al-Quran dengan firman-Nya : (... *wa inna laisa li insan illa masa'ie \* wa inna sai'yahu saufa yuri \* summa tajzahu al-jaza' al-aufi*; Surat An-Najm ayat 38-41). Ertinya : “Bahawa manusia hanya akan mendapat apa yang ia sendiri usahakan, baik atau jahat ; dan bahawa sebarang usahanya itu akan dilihat bawahnya ; kemudian ia akan diberi balas dengan balasan yang secukupnya.” Maka perkataan Tuhan ini tidaklah ada menentukan bahawa maksudnya khas bagi usaha-usaha untuk ketinggian di akhirat sahaja, tetapi nyatalah lafaznya meliputi dan termasuk usaha-usaha untuk ketinggian di dunia juga. Atau bagi dunia dan akhirat bersama-sama sekali.

Maka ketinggian yang bersatu dunia akhirat itulah yang sebaik-baiknya; kerana kita orang Islam tidak disuruh membuang dunia dan tidak pula disuruh menghadap kepada akhirat sahaja. Kita disuruh Tuhan mengambil bahagian dalam kedua-duanya itu seperti pada firman-Nya yang lain:

*Wabtaghi fima aataka Allah ad-dar al-akhirah wa la tansa nasibaka min ad-dunya*: Surat Al-Qasas ayat 77. Ertinya : “Dan carilah olehmu akan negeri akhirat pada barang apa yang Allah telah beri kepada kamu, tetapi jangan kamu lupakan bahagianmu daripada dunia. “Demikianlah lagi Tuhan telah menunjukkan kepada kita doa dalam Al-Quran (*rabbana aatina fid dunya hassanah wafil akhirat hasanah waqinaa 'azab an-nar* : al-Baqarah 201). Ertinya : “Hai Tuhan kami, berilah kami kebajikan dalam dunia dan kebajikan dalam akhirat, dan peliharakan kami daripada seksa api neraka.”

Adapun ketinggian dan kebesaran yang terkhas bagi dunia sahaja itu tidaklah berupa gunanya dan bukan ia jenis ketinggian dan kebesaran yang sebenar, kerana tiada kekal ia hingga ke akhirat yakni hingga kita sudah mati pun. Melainkan apabila orang yang mendapatnya itu mati maka terlucutlah kebesaran itu daripadanya; segala bintang-bintang dan pangkat dan gelaran yang dimegah-megahkannya masa hidupnya itupun lenyaplah entah ke mana melayangnya, hanya yang tinggal jika ada amal usahanya yang baik dan mulia dan berkekalan memberi faedah kebajikan kepada manusia. Demikian pula kemsyukuran, walau masyhur seluruh dunia sekalipun; kecuali jika sebab yang menjadikan masyhur itu ada sesuatu amal jariah atau pusaka alam yang kekal berjasa dan memberi faedah besar kepada manusia sekalian dalam dunia ini.

Walhasil tidaklah ada sesuatu makna yang boleh dibanggakan “mulia” jika seseorang apabila menulis namanya maka tidak pernah ketinggalan daripada membubuhkan segala gelarannya dan pangkatnya bersama-sama namanya itu, seperti “Syed”, “Tengku”, “Dato”; atau gelaran-gelaran di hujung namanya seperti J, P, B, A, D, L, G, C, M, G, dan sebagainya, hingga jika tak cukup tempat pada kertas itu maka dituliskan “dan lain-lain: sahaja, iaitu menunjukkan ada banyak lagi bintangnya konon! Sayogialah diingat bahawa segala gelaran-gelaran dan bintang-bintang kebesaran demikian bukanlah alamat kebesaran yang sebenar dan kekal, hanya adalah ia kilau-kilau dunia yang palsu jua. Maka tidaklah si dia dimegah-megahkan sangat, istimewa pula jika telah diperoleh akan dia hanya

sebagai pemberian orang sahaja, bukan oleh sebab kelebihan dan kebolehan kita sendiri yang memang sedia. Orang yang sebenarnya besar tiada suka ia mengubah gelaran-gelaran itu bersama namanya. Ia rasa gelaran-gelaran dan bintang-bintang itu hanya seolah-olah rantai mas yang dikalungkan di leher burung permainan oleh tuannya!

Adapun kebebasan yang sebenar ialah kekal wujudnya sampai ke seberang kubur dan tinggal bekasnya dalam dunia memberi faedah kepada orang sekalian, walaupun orang yang punya kebesaran itu telah mati beribu-ribu tahun, seperti segala imam-imam dan ahli-ahli fikiran Islam yang besar-besar dahulu kala. Kita orang-orang zaman ini pun boleh mendapat kebesaran yang sebenar dan kekal demikian itu jika berusaha bersungguh-sungguh serta betul jalannya. Maka itulah disyairkan oleh ahli syair:

*Lives of great men all remind us,*

*That we can make our lives sublime;*

*And departing, leaves behind us*

*Footprints on the sands of Time.*

Maksudnya : "Riwayat hidup orang masyhur-masyhur adalah mengingatkan kepada kita pun boleh menjadikan kehidupan kita tinggi dan mulia; dan apabila kita bertolak belayar daripada pantai kehidupan ini kelak, kita tinggalkan di belakang kita jejak-jejak yang berkesan di atas pasir masa. " Dan kata syair Arab pula (dengan Bahar Khafif) :

*Tilka asaruna tadillu 'alaina*

*Fannazaru baduna ila al-asari*

Maksudnya : "Itulah dia kesan-kesan bekas kami yang menunjukkan kepada kami; maka apabila kami telah tiada lagi kelak carilah kesan-kesan dan bekas-bekas itu sebagai pusaka peninggalan kami."

Dan tersebut di dalam suatu hadis yang masyhur pula, Sabda Nabi (SAW) :- *Iza mata abna adam inqadau' 'amaluhu illa min salis: Sadaqatan jariyah wa 'amalu nafi' wa waladun solih yad'u li walidaihi.*" Ertinya : "Apabila mati seseorang manusia maka terputuslah amalnya, kecuali daripada tiga perkara

tidak putus; pertama sedekah yang berpanjangan kebajikannya (seperti sekolah, rumah sakit, pendapatan baharu yang kekal memberi faedah kepada manusia. Kitab-kitab ilmu yang dikarangkan); kedua ilmu yang memebri guna, sama ada yang diajarkan sendiri kepada orang. (Kerana ia itu akan berpanjangan pula diajarkan kepada orang lain kemudian daripada guru yang mula-mula itu) atau yang dikarangkan jadi kitab (kerana ia itu akan dibaca dan dipelajari orang pula hingga bila-bila); dan ketiga, anak yang baik dan mendoakan baik bagi kedua ibu bapanya.

Kesimpulannya wajiblah tiap-tiap seorang bekerja dan berusaha sekeras-kerasnya bagi menaikkan dirinya kepada tingkat ketinggian dan kemuliaan yang bersatu padanya dunia dan akhirat. (Bersambung)

---

Kecantikan muka itu tidak boleh dijadikan tanda bagi kecantikan perangai, kerana besi dan baji itu boleh sama kilat luarnya – Syair Islam.

-----\*-----\*-----  
Perkataan itu pokok kesopanan tetapi tidak berguna perkataan kalau tidak disertakan dengan perbuatan – Ahnaf.

-----\*-----\*-----  
Sesungguhnya saya tak menderma bukannya kerana bakhil tetapi masuknya hasil tak cukup oleh sebab banyak keluarnya. Tabiat saya memang pemurah tetapi tak dapat saya menghulur kaki lebih daripada selimut saya – Syair Islam.

-----\*-----\*-----  
Hai anak-anakku! Jaga-jaga! Sebahagian daripada perkataan ada yang lebih keras daripada batu dan lebih tajam daripada jarum dan lebih pahit daripada jadam, dan lebih panas daripada bara. Luqman al-Hakim.

-----\*-----\*-----  
Janganlah kamu takut kerana bilanganmu sedikit di hadapan musuh, hanya takutilah kalau dosamu di hadapan Allah kerana itulah musuh yang sebenar-benarnya – Abu Bakar As-Siddiq.